



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Bukan 1 Tapi 1000.”

Pada 29 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Encik Zul Fahmee bin Ahmad Zin dan bacaan doa dibacakan oleh Encik Azman bin Mohamad. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Mat Nizam bin Ut, Pegawai Tadbir dari Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Pengalaman : Bukan 1 Tapi 1000.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah suatu perkongsian ilmu yang berkaitan dengan pengucapan awam. Kelebihan dalam pengucapan awam seperti syarahan dan berpidato semenjak dari kecil sehingga melanjutkan pelajaran telah dapat diaplikasikan dalam pelbagai situasi seperti telah mempermudah beliau dalam memperoleh Biasiswa Yayasan Sultan Iskandar. Di samping itu, beliau juga telah dilantik sebagai Setiausaha Sekretariat Madum dan Trainer Kelab DePikir. Selaras dengan pemilihan Kementerian Pengajian Tinggi memilih Universiti Teknologi Malaysia sebagai penganjur Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2021, beliau akan merealisasikan pengalamannya melatih pelajar Antarabangsa di Malaysia menjadi Pendebat Terbaik.

Kemahiran pengucapan awam ini ialah satu bentuk kepercayaan yang menyatakan kita mempunyai kebolehan, kekuatan dan kemampuan diri untuk mendepani cabaran. Petikan daripada Ahli Falsafah Greek, Aristotle, retorik adalah seni menggunakan bahasa untuk komunikasi dengan berkesan dan keupayaan mempengaruhi. Ilmu itu dimiliki dengan lidah yang banyak dan akal yang gemar berfikir memberi erti semasa bercakap kita juga turut berfikir.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

